

# China puji pendirian positif PM erat hubungan dua hala

Beijing harap mantapkan persahabatan tradisi, tingkat kolaborasi dalam pelbagai bidang

**Kuala Lumpur:** China memuji pendirian positif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terutama yang membabitkan hubungan kedua-dua negara, kata jurucakap Kementerian Luarnya, Lin Jian.

Beliau berkata, negaranya berharap bekerjasama dengan Malaysia untuk memantapkan hubungan persahabatan tradisi dan meningkatkan kolaborasi dalam pelbagai bidang demi memperdalam pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Malaysia.

Anwar dalam satu temu bual baru-baru ini, menyatakan adalah wajar bagi Malaysia untuk mengukuhkan hubungan dengan China kerana negara berkenaan

sanggup menerima dan mendengar cadangan dan kebimbangan daripada Malaysia.


Ia termasuk membantu Malaysia membangunkan ekonomi digital, tenaga boleh baharu (TBB) dan kecerdasan buatan (AI).

Lin Jian pada sidang media di Beijing pada Isnin, berkata China dan Malaysia adalah negara jiran yang mempunyai persahabatan tradisional.

“Tak kira bagaimana situasi antarabangsa berubah, China dan Malaysia tetap rakan baik dan sejati yang saling percaya dan bergotong-royong sejak penjalinan hubungan diplomatik pada lima dekad lalu,” katanya.

Beliau juga mengulangi pendirian China yang teguh menyokong Malaysia dan negara ASEAN untuk mempertahankan solidariti dan kemajuan sendiri serta mengekalkan pemusatan ASEAN dan kerangka serantau yang inklusif.

Menurut jurucakap itu, China akan terus berpegang kepada prinsip terbuka, kerjasama dan saling untung serta bersinergi dengan negara ASEAN bagi membina komuniti berkongsi nasib China-ASEAN yang lebih rapat. **BERNAMA**



Anwar bersama Presiden Xi Jinping ketika lawatan ke China penghujung Mac lalu. (Foto fail)